

KERATAN: New Sabah Times

SAB-A06 21/12

TARIKH: 21/05/2012

M/S: (10)

# Tiga cerpen gambaran penulis mapan terus berkarya

OLEH: YATIM AHMAD  
(ytaubatal@yahoo.com)

TIGA CERPEN yang menyertai Hadiah Cerpen Sedco-Bahasa-NST yang disiarkan pada minggu lepas, bermula Ramlah AR (Selut Emas), Mad Sakiran Haji Sulaiman (Mutiara Di Balik Terumbu) dan Siti Rahmah G Ibrahim (Ayah) adalah gambaran penulis mapan yang terus menghasilkan karya.

Kecuali Ramlah yang pernah berhenti menulis kira-kira 10 tahun lalu, Siti Rahmah dan Mad Sakiran kita kenali sebagai penulis prolific dan sentiasa menghasilkan cerpen dan memang anugerah hadiah sastera. Terbaru Siti Rahmah menang hadiah utama Hadiah Cerpen Sedco-Bahasa-NST bagi tahun penilaian ke-3.

Siti Rahmah lahir pada 24 Julai 1960 di kampung Kolopis, Beluran, Sandakan. Mula menulis pada 1978, tetapi setahun barulah karyanya tersiar di akhbar pada 1979. Kebanyakan cerpennya dimuat pada antologi Bagai Camar di Lautan, Orang Baru (1986), Pulut Kuning Daging Rendang (1988), Serpihan Musim (1991) dan Rantau Utara (DBP Brunei).

Novel pertamanya berjudul Hijrah, terbit pada 1988 (DBPS), Kuntum Berputik dan Cintapun Bersemi. Manakala novel terbaru Siti Rahmah ialah Taklik Cinta, terbitan Melur, 2012.

Novel Taklik Cinta menang Hadiah sayembara Menulis Novel Kerajaan Negeri Sabah siri 1. Sejak pembabitannya dalam bidang penulisan sastera, Siti Rahmah memenangi pelbagai hadiah, termasuk Peraduan Kreatif Institusi Pengajian Tinggi berjudul 'Catatan di Rumah Panjang', Hadiah Penggalakan DBPS, Penulis Skrip Drama Pentas Berbakat (1985) dan Hadiah sastera Sabah (HSS).

Manakala Mad Sakiran, dilahirkan pada 22 April 1956, di kampung Pababag. Beliau menulis puisi dan cerpen yang banyak tersiar di Radio RTM. Pernah memenangi HSS bagi tahun penilaian 1998/1999.

Nampaknya tidak banyak yang saya kutip daripada sejarah pembabitan Ramlah dalam bidang ini, melainkan dia baru memulakan semula penulisan cerpen tahun ini dan sedang mengusahakan penerbitan antologi cerpen. Sebelum ini, Ramlah cenderung genre novel kira-kira 10 tahun lalu sebelum berhenti kerana melanjutkan pembelajaran ke pusat pengajian tinggi.

Dan apa yang kita boleh lihat daripada pembabitan ketiga-tiga penulis mapan ini ialah kesungguhan yang tidak pernah hentinya sejak 30 atau 40 tahun lalu. Walaupun pendedahan kegiatan kepenulisan mereka hanya boleh dikesan menerusi majalah sastera, tetapi sejak akhbar turut mengambil langkah yang sama, nama ini mula dikenali khususnya kepada pembaca di negeri ini.

Akhbar seperti New Sabah Times, di bawah Bahagian Bahasa Melayu pimpinan Editor Mohd Amin Haji Muin, telah mengambil langkah ke depan dengan menyertai Sedco dan Bahasa untuk menganjurkan Hadiah Cerpen, sebagai penyiar rasmi cerpen yang dipilih untuk penilaian hadiah. Sudah dua tahun NST sejak tahun lalu, menjadi penyiar rasmi dan tahun ini kami terus komited untuk cuba mempelbagaikan siaran seni kesusasteraan sebagai sokongan.

Dan apa yang kita boleh lihat daripada pembabitan ketiga-tiga penulis mapan ini ialah kesungguhan yang tidak pernah hentinya sejak 30 atau 40 tahun lalu. Walaupun pendedahan kegiatan kepenulisan mereka hanya boleh dikesan menerusi majalah sastera, tetapi sejak akhbar turut mengambil langkah yang sama, nama ini mula dikenali khususnya kepada pembaca di negeri ini.

Dalam hubungan ini, kita tetaplah berbangga dengan kesungguhan penulis mapan seperti Siti Rahmah yang terus menghasilkan karya. Beliau turut bergiat cergas bersama Bahasa untuk mengadakan pelbagai kegiatan termasuk Bulan Penulis Sabah yang berlangsung sebulan di negeri ini. Antara kegiatan Bahasa pada program itu ialah bengkel penulisan di jabatan kerajaan dan swasta dan sekolah.

Cerpen Ayah karya Siti Rahmah yang disiarkan pada 13 Mei lalu mengisahkan kenangan seorang anak perempuan terhadap ayahnya yang sudah meninggal. Konflik ayah ini ialah perebutan tanah warisan ayah untuk anak-anaknya.

Bagaimanapun, tanah itu yang warisi ayah 'aku', turut dituntut oleh saudara kandung ayah, iaitu pakcik mereka.

Tuntutan terhadap tanah itu sudah berlaku semasa hayat ayah lagi, walaupun nama pemilik geran tanah itu sudah ditukar kepada nama anak-anaknya. Sebenarnya, perlakuan keluarga ayah terhadap anak-anaknya itu disebabkan perkahwinannya yang tidak direstui keluarga. Dari situ, semua keluarga ayah dibolot oleh kakak atau abangnya termasuk tanah yang didiami oleh keluarga aku. Akhirnya 'aku' ingin membuat perhitungan dengan pakcik dan makciknya untuk memastikan hak tanah itu tidak terlepas.

Cerpen Ramlah pula mengisahkan nasib penduduk kampung yang masih kekal di tengah bandar. Tanah kampung itu menjadi rebutan pelbagai pihak untuk membina premis perniagaan dan pelbagai usaha dilakukan oleh pihak berkenaan untuk mendapatkan tanah kam-

UB - 21/05/12 (10)

pung berkenaan.

Perjuangan mengekalkan kampung itu digambarkan menerusi watak Amid dan bapanya. Bermula kawasan subur untuk pertanian, kampung itu mula mengalami pelbagai masalah pengairan hingga bapa Amid bersetuju jika ada pihak menawarkan harga yang tinggi membeli tanah mereka.

Selain itu, keluarga Amid juga menghadapi pelbagai gangguan daripada penduduk bandar, sebilang kecilnya terbabit kegiatan jenayah dan menjadikan kampung itu sebagai sarang persembunyian atau melarikan diri daripada buruan pihak polis.

Manakala, cerpen Mad Sakiran pula mengisahkan keazaman seorang pemuda, Roslan yang akhirnya komited untuk bergiat bidang koperasi, terutama pemprosesan makanan hasil laut. Selepas mencuba pelbagai pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan rendahnya, Roslan berpendapat bidang penghasilan makanan laut seperti Lato, agar-agar laut, gamat, kima dan siput akan memberi peluang menjana pendapatan dan keuntungan yang besar kepada koperasinya.

Demikianlah tiga gambaran ringkas cerpen yang disiarkan pada tiga minggu lepas. Apa yang kita lihat daripada cerpen ini ialah masalah yang tidak pernah diselesaikan oleh segelintir masyarakat marhaen. Mereka banyak terkial-kial untuk melepaskan kongkongan pemikiran kolot daripada berjuang untuk memperbaiki taraf hidup.

Pada masa yang sama, sikap tamak dan dendam lebih banyak menyelubungi masyarakat Bumiputera, selain dipergunakan oleh pihak yang berkepentingan terutama pihak perancang pembangunan ekonomi yang tidak telus. Pengambilan tanah rakyat adalah salah satu punca mengapa hidup mereka tidak pernah tenteram daripada menghabiskan masa memikirkan soal meningkatkan taraf hidup, kerana pihak yang berkepentingan tidak menyediakannya asas yang lebih baik supaya perubahan itu memberi manfaat kepada mereka.

Manakala, satu cerpen lagi menggambarkan betapa pendidikan tinggi diperlukan untuk memastikan pelaksanaan pelbagai program berjalan lancar. Sebenarnya, kita bukan tidak ada upaya untuk maju, melainkan pertama - masalah kurang faham strategi untuk melaksanakan suatu projek. Dalam hubungan ini Roslan bolehlah digambarkan sebagai anggota marhaen yang bila-bila masa dipergunakan oleh orang lain kerana pendirian yang tidak tetap kerana taraf pendidikannya yang rendah.

Cerpen ini pada keseluruhannya jika mengikut urutan memanglah menimbulkan kesedaran betapa masyarakat bukan sahaja memerlukan pendidikan tinggi supaya dapat menyerap cabaran pembangunan sosio-ekonomi, malah mereka memerlukan pembelaan yang sewajarnya.

Sebenarnya, realiti yang dihadapi oleh masyarakat bawahan ini ialah walaupun seandainya tanah yang diduduki itu bukan hak milik mereka, tetapi kerana sudah berpuluh tahun duduk di situ, satu program pemindahan perlu dilaksanakan sebaik-baiknya. Mereka tidak sepatutnya di beri wang ganti rugi, tetapi kawasan tanah tidak diberi sesuai keperluan masyarakat setempat. Umpamanya, jika tanah yang diambil itu kawasan pertanian, mereka perlu diberi ganti tanah yang sama fungsinya, berserta ganti rugi dalam bantu wang. Dengan itu, mereka boleh terus hidup untuk merancang kehidupan seterusnya tanpa memikirkan pelbagai kesulitan.

Begitu dalam urusan hak tanah warisan, masyarakat yang bertamadun tidak akan merosakkan kehidupan ahli keluarganya dengan membolot semua harta benda peninggalan keluarga yang meninggal seperti atuk atau

nenek. Tetapi, sebaiknya dibincang kerana hubungan kekeluargaan itu lebih penting daripada harta benda yang dibolot kerana dendam atau tamak.

Begitulah gambaran cerpen ini. Saya selalu percaya, cerpen yang baik ialah memberi kesan terhadap pembaca untuk merangsang pemikiran mereka. Cerpen atau crita yang baik bukan hanya mengikut urusan yang dominan atau mencukupi syarat sebagai cerpen semata-mata. Kita mesti memperhatikan bagai manakah gaya bahasa dan cara mengolah cerita yang lebih berkesan.

Kadangkala saya hairan - apakah seandainya kita sudah mapan dan menerima pelbagai hadiah, seolah-olah hanya mencukupkan idea untuk cerita baru berdasarkan keupayaan yang lalu? Kita tidak lagi mahu bersusah payah mengkaji, mendalami dan membuat latihan untuk suatu cerita baru yang lebih baik.

Masyarakat pembaca sudah bijak menilai, jika dahulu mereka enggan bercakap panjang mengenai sastera, sekarang sikap itu sudah berubah. Maka kita mesti ikut berubah, mengubah taraf, stail, mutu dan kualiti yang pernah kita buat dua atau tiga tahun lalu untuk gaya penulisan tahun ini dan tahun akan datang.